

REPRESENTASI IDEOLOGI ABDUL KARIM AMRULLAH MELALUI WACANA NIKAH CINA BUTA DALAM KITAB *PEMBUKA MATA*

*THE REPRESENTATION OF ABDUL KARIM AMRULLAH'S IDEOLOGY IN THE
DISCOURSE OF 'NIKAH CINA BUTA' IN KITAB PEMBUKA MATA*

Muhammad Sadiq MOHD SALIHODDIN^{*1}
Mohd Taufik Arridzo MOHD BALWI²

¹Fakulti Bahasa dan Kebudayaan Asia Tenggara, Universiti Minzu Guangxi, China.

²Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia.

^{*1}sadiqsalihoddin@qq.com

²taufik@um.edu.my

Corresponding author*

Received: 26th December 2024

Accepted: 24th September 2025

ABSTRAK

Makalah ini memperkukuh pandangan pemikir-pemikir aliran teori kritis yang menolak pegangan aliran positivisme, iaitu keneutralan dan keobjektifan ilmu. Setiap ilmu adalah tidak neutral kerana terdapat ideologi yang mendasarinya meskipun tidak diperlihatkan secara jelas. Makalah ini membuktikan ketidakneutralan ilmu itu dengan mengkaji kitab yang dikarang oleh seorang ulama Alam Melayu yang tersohor dari Minangkabau, iaitu Abdul Karim Amrullah (lebih dikenali sebagai Haji Rasul). Beliau merupakan bapa kepada ulama dan sasterawan terkenal, iaitu Hamka. Objektif bagi kajian ini ialah untuk mendeskripsikan kitab *Pembuka Mata* karangan Haji Rasul berdasarkan pendekatan Alur Penelitian Filologi oleh Oman Fathurrahman (2015) dan menganalisis kandungan kitab berkenaan dari segi hubung kaitnya dengan dimensi amalan sosial (ideologi) berdasarkan pendekatan Analisis Wacana Kritis oleh Fairclough (1989). Kajian ini mendapati struktur teks kitab *Pembuka Mata* ditulis dengan tersusun selari dengan hujah yang ilmiah dan terperinci. Walaupun kitab ini bersifat ilmiah yang membahaskan hukum nikah secara Cina buta dari perspektif pelbagai mazhab, didapati penulisannya tidak terlepas daripada ideologi aliran Muhammadiyah yang dianutinya, iaitu bersifat terbuka dalam hal ehwal fiqh dan mengangkat peranan akal serta menolak taklid buta. Kajian ini berjaya membincangkan satu kitab nadir yang bertulisan Jawi secara tersurat dan tersirat. Implikasi kajian ini dari segi epistemologi, iaitu membuktikan ilmu adalah tidak bersifat objektif dan neutral meskipun disampaikan dalam bentuk buku ilmiah. Hal ini penting kerana apabila hal-hal yang berkaitan ideologi tersembunyi itu tidak dibongkar, maka lebih mudahlah pengaruh-pengaruh Barat yang tidak sesuai dengan falsafah orang Melayu menyusup ke dalam dunia pengajian Melayu dan ini secara tidak langsung akan meminggirkan nilai-nilai tempatan yang terhasil daripada kearifan sendiri.

Kata Kunci: Haji Rasul; nikah Cina buta; Analisis Wacana Kritis; ideologi; analisis teks

ABSTRACT

This paper reinforces the stance of critical theorists who reject the positivist assumptions of neutrality and objectivity in knowledge. All knowledge is inherently non-neutral, as it is underpinned by certain ideology, even when these are not explicitly stated. The non-neutrality of knowledge is demonstrated through an analysis of a text authored by the renowned Minangkabau scholar Abdul Karim Amrullah (better known as Haji Rasul), who was the father of the distinguished scholar and literary figure Hamka. The objectives of this study are to describe *kitab Pembuka Mata* written by Haji Rasul using the Philological Research Framework (*Alur Penelitian Fisiologi*) proposed by Oman Fathurrahman's (2015), and to analyze the content of the text in relation to the dimension of social practice (ideology) through Fairclough's Critical Discourse Analysis approach (1989). The study finds that the textual structure of *kitab Pembuka Mata* is systematically organized, and presented with detailed scholarly arguments. Although the text is academic in nature, discussing the Islamic legal issue of *nikah Cina buta* (a form of remarriage) from multiple jurisprudential perspectives, it nevertheless reflects the author's Muhammadiyah ideological orientation, characterised by openness in matters of fiqh jurisprudence, the elevation of reason, and the rejection of blind adherence (*taqlid*). This study successfully explicates a rare *Jawi* manuscript both in its explicit and implicit dimensions. From an epistemological perspective, the study affirms that knowledge is neither objective nor neutral, even when conveyed through scholarly writing. This is important because when hidden ideological elements are not uncovered, it becomes easier for Western influences that are incompatible with the Malay philosophical worldview to infiltrate the field of Malay studies, thereby indirectly marginalizing local values that stem from indigenous wisdom.

Keywords: Haji Rasul; *nikah Cina buta*; Critical Discourse Analysis; ideology; textual analysis

Pengenalan

Norman Fairclough merupakan seorang ahli linguistik British yang dianggap sebagai pengasas utama kepada pendekatan Analisis Wacana Kritis (AWK). AWK adalah pendekatan yang mengkaji pembinaan wacana secara sistematik dan analitik yang tertumpu pada hubungan antara bahasa, kuasa dan ideologi. Perkataan “kritis” dalam Analisis Wacana Kritis memperlihatkan elemen sosial dalam pendekatannya. Menurut Fairclough (1989, 1992, 1995), setiap wacana yang disampaikan oleh seseorang secara tidak langsungnya memperlihatkan ideologi dan ini harus dikaji secara mikro, meso dan makro. Dengan itu, beliau menggagaskan tiga dimensi dalam pendekatan AWK:

- i. Teks (mikro)
- ii. Amalan wacana (meso)
- iii. Amalan sosial (makro)

Dimensi yang ketiga adalah penanda kepada “kritis” dalam Analisis Wacana Kritis (AWK). Norman Fairclough selaku pengasas AWK secara hakikatnya telah banyak terpengaruh dari pemikir-pemikir ilmu sosial yang menolak keobjektifan ilmu seperti Antonio Gramsci dan Michel Foucault. Hal ini beliau nyatakan secara langsung dalam buku-bukunya, sebagai contoh dalam *Discourse and Social Change*, Fairclough (1989, h. 38) menyatakan, “*Foucault's work makes an important contribution to a social theory of discourse in such areas as the relationship of discourse and power, the discursive construction of social subjects and knowledge, and the functioning of discourse in social change.*” Dengan itu, atas dasar “tidak ada ilmu yang neutral”, kajian ini menganalisis ideologi Abdul Karim Amrullah atau lebih dikenali sebagai Haji Rasul melalui kitabnya, iaitu *Pembuka Mata*.

Abdul Karim Amrullah merupakan seorang ulama asal Minangkabau yang terkenal dengan perjuangannya dalam Muhammadiyah. Beliau merupakan bapa kepada seorang ulama dan sasterawan terkenal dari Minangkabau juga, iaitu Hamka. Hamka (1952) telah mengabadikan perjuangan Haji Rasul dalam satu buku biografinya, *Ayahku: Riwayat hidup Dr. H. Abd. Karim Amrullah dan perjuangan kaum agama di Sumatera*. Menurut Hamka (1952) sendiri dalam biografi tersebut, beliau menyenaraikan kitab-kitab yang pernah dikarang oleh bapanya. Kebanyakan kitab tersebut tersimpan di Kutub Khanah Abdul Karim Amrullah di Maninjau, sebahagiannya didigitalkan dan sebahagian lagi tidak berjaya dijejaki. Namun begitu, terdapat satu kitab tulisannya yang berjaya didigitalkan oleh British Library. Kitab tersebut ialah *Pembuka Mata* yang membahaskan hukum nikah secara Cina buta berdasarkan pandangan daripada pelbagai mazhab. Kitab ini ditulis dengan tersusun dan sistematik. Kajian ini mengandaikan, kitab *Pembuka Mata* tidaklah ditulis semata-mata untuk mengajar tentang hukum, tetapi juga sebagai manifestasi kepada ideologi Haji Rasul. Dengan itu, kajian ini mengaplikasikan pendekatan AWK oleh Fairclough (1989, 1992, 1995) supaya dapat diperjelaskan ideologi Haji Rasul melalui wacana nikah Cina buta.

Nikah Cina buta ialah pernikahan antara seorang janda yang telah diceraikan dengan talak tiga, lalu ingin kembali kepada suami pertama, dia haruslah bernikah dengan lelaki lain terlebih dahulu, bersetubuh secara sah, bercerai, habis idah, barulah dibolehkan bernikah semula dengan suami pertama (Al-Zuhayli, 2006). Ini kerana dalam hukum Islam, seseorang wanita yang telah diceraikan dengan talak tiga diharamkan kembali kepada suami pertama melalui rujuk mahupun nikah semula. Menurut Ahmad Fauzi Ilyas (2022), istilah “Cina buta” ini diperoleh daripada kisah seorang anak raja dari Aceh yang ingin menikahi jandanya semula, maka dicarinya seorang “kambing hitam” untuk menjadi pelepas syarat. Ketika itu, tiada sesiapa yang ingin melakukannya melainkan seorang Cina yang buta yang kemudiannya tidak mahu menceraikan janda anak raja tersebut. Apabila kisah ini tular dalam masyarakat, masyarakat mula memanggil amalan ini sebagai “nikah Cina buta”. Dalam tradisi orang-orang Minangkabau juga mempunyai istilah sendiri bagi amalan ini, iaitu *bakabuang* (Nelmawarni et al.,

2021). Secara permukaannya, kitab *Pembuka Mata* dikarang untuk mengajar tentang hukum nikah Cina buta, tetapi apabila dilihat dari skop yang lebih mendalam, Haji Rasul telah memanifestasikan ideologinya secara tersembunyi dan ini harus dikaji menggunakan pendekatan yang sesuai. Oleh itu, makalah ini menjalankan analisis wacana kritis terhadap *Pembuka Mata* untuk membongkar ideologi Haji Rasul secara jelas.

Sorotan Literatur

Kajian-kajian yang disorot di sini adalah berkaitan tulisan Haji Rasul. Namun, kajian-kajian terdahulu terhadap tulisan Haji Rasul adalah tidak menyeluruh. Setakat ini, ditemukan satu kajian sahaja yang menghuraikan serba sedikit tentang penulisan Haji Rasul. Fitri Yenni M. Dalil et al. (2022) dalam kajiannya telah membandingkan kitab-kitab hadis tulisan dua ulama dari Minangkabau yang sezaman, iaitu Haji Rasul sendiri dan Muhammad Yunus (Tuanku Sasak). Kitab-kitab yang dibandingkan ini ialah kitab *Ayqāz al-Niyām fīmā Ibtada'a min Amr al-Qiyām* dan *al-Shir'ah* oleh Haji Rasul dan *Himpoenan Hadis* oleh Tuanku Sasak. Meskipun kajian ini tidak berfokus pada tulisan Haji Rasul semata-mata, tetapi dapatannya membantu untuk memahami struktur penulisan dan penghujahan Haji Rasul berdasarkan dua kitab yang dikaji. Menurut pengkaji, Haji Rasul menguatkan dakwaannya dengan al-Quran, Sunnah, Ijmak, Qias dan pendapat sahabat, tabiin, ulama dan kaedah-kaedah fiqah. Kecanggihan berhujah seperti ini memperlihatkan bukan sahaja kesarjanaan Haji Rasul, malah ideologinya sebagai ulama aliran Kaum Muda yang mengangkat keutamaan berijtihad dan menolak tafsiran tradisional yang kaku. Hal ini selari dengan gaya penulisan kitab *Pembuka Mata*. Haji Rasul dilihat mempunyai keupayaan dalam merujuk pandangan-pandangan daripada pelbagai mazhab untuk menimbang dan mengukuhkan ijtihadnya.

Selain kajian perbandingan ini, belum ada lagi pengkaji setakat ini yang secara khususnya meneliti kitab tulisan Haji Rasul. Kebanyakan pengkaji hanya mengkaji sumbangan Haji Rasul dalam gerakan Kaum Muda dan kebanyakannya berkisarkan tulisan Hamka (1952), iaitu *Ayahku*. Antara pengkaji yang mengkaji topik ini ialah Murni Djamal (1998), Novita Siswayanti (2016), Muslim & Ihsan (2018) dan Uswatun Hasanah et al. (2021). Pengkaji-pengkaji yang dinyatakan ini tidak mempunyai begitu banyak perbezaan kerana rata-ratanya membincangkan sejarah dan sumbangan Haji Rasul dalam dunia politik dan pengajian Islam. Namun begitu, kelompangan yang jelas dapat dilihat dari pengkaji-pengkaji ini kerana belum terdapat kajian secara langsung terhadap kitab penulisan Haji Rasul, meskipun banyak yang tersimpan di Khutub Khanah Haji Rasul, Maninjau. Kajian-kajian tersebut hanya memerihalkan sejarah berdasarkan sumber-sumber kedua. Ideologi Haji Rasul belum lagi dikaji berdasarkan kitab tulisannya sendiri. Maka, analisis ideologi Haji Rasul terhadap kitab *Pembuka Mata* ini dapatlah mengisi kelompangan tersebut.

Kajian ini bertitik tolak dari tanggapan umum dalam aliran positivisme yang mendakwa bahawa ilmu itu mestilah bersifat neutral, objektif dan bebas nilai. Tanggapan ini dikritik hebat oleh ahli-ahli falsafah daripada Mazhab Frankfurt (Adorno & Horkheimer, 1947). Tidak hanya falsafah, tanggapan ini juga telah memberi pengaruh kepada disiplin filologi yang seringkali mengkaji teks klasik semata-mata dari segi kebahasaan dan sejarah. Said (1978) mengkritik tradisi filologi Barat yang dikatakan objektif, tetapi hakikatnya sarat dengan agenda kolonial. Situasi ini menunjukkan tanggapan umum aliran positivisme bukan sahaja telah menyusup ke dalam dunia falsafah, malah filologi. *Pembuka Mata* yang dikaji dalam makalah ini diperlihatkan sebagai sebuah karya ilmiah yang membincangkan hukum fiqah, tetapi tetap tidak boleh terlepas daripada konteks sosiobudaya dan pertembungan ideologi pada zaman Haji Rasul. Oleh yang demikian, makalah ini akan membuktikan bahawa ilmu yang dibincangkan dalam sesebuah karya ilmiah tidaklah bersifat neutral, malah sarat dengan ideologi. Kajian ini bertujuan untuk:

- i. Mendeskripsikan kitab *Pembuka Mata* karangan Haji Rasul berdasarkan pendekatan Alur Penelitian Filologi oleh Oman Fathurrahman (2015); dan
- ii. Menganalisis kandungan kitab *Pembuka Mata* berkenaan dari segi hubung kaitnya dengan dimensi amalan sosial (ideologi) berdasarkan pendekatan Analisis Wacana Kritis oleh Fairclough (1989).

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang bersifat deskriptif. Untuk mencapai objektif yang pertama, kaedah daripada pendekatan filologi diaplikasikan. Pertama, untuk memperoleh naskhah yang paling unggul, kajian ini menggunakan metode naskhah tunggal, iaitu kaedah yang memanfaatkan hanya satu naskhah yang paling asli sebagai objek kajian. Berdasarkan Alur Penelitian Filologi oleh Oman Fathurrahman (2015), metode naskhah tunggal ini dilaksanakan menerusi empat langkah yang berikut:

- i. Inventori naskhah;
- ii. Deskripsi naskhah;
- iii. Perbandingan naskhah; dan
- iv. Analisis teks


Inventori naskhah merupakan usaha mencatat keberadaan naskhah dan salinannya dengan merujuk data raya, perpustakaan, universiti, simpanan perseorangan dan sebagainya. Deskripsi naskhah ialah pemerihalan keadaan naskhah dari segi fizikal dan teksnya. Antara hal-hal penting yang diperihalkan ialah jenis kertas, ukuran naskhah, struktur penulisan, pemerenggan, cap air, jenis khat dan banyak lagi. Langkah ini wajar dilaksanakan kerana setiap maklumat dalam pendeskripsian tersebut dapat membantu untuk memahami latar belakang penulisan naskhah. Perbandingan naskhah pula merujuk kepada usaha membandingkan beberapa naskhah yang ditemui supaya dapat ditentukan naskhah yang paling asli dan layak untuk menjadi objek utama kajian. Antara aspek yang akan dibandingkan ialah kesempurnaan teks, kejelasan huruf dan lain-lain. Akhir sekali, analisis teks dilaksanakan untuk memahami dengan menyeluruh idea-idea yang tertulis dalam naskhah yang dikaji. Langkah ini merupakan pelengkap kepada kerja-kerja filologi yang diterapkan. Untuk objektif yang kedua pula, pendekatan Analisis Wacana Kritis (AWK) oleh Norman Fairclough (1989, 1992, 1995) diaplikasikan. Terdapat tiga dimensi dalam pendekatan ini, iaitu:

- i. Teks: Tatabahasa, kosa kata, struktur;
- ii. Amalan wacana: Proses pembentukan wacana, kohesi, koheren; dan
- iii. Amalan sosial: Hubungan wacana dengan kuasa, ideologi, perubahan sosial.

Oleh kerana dalam pendekatan filologi yang dibincangkan sebelum ini sudah terdapat analisis teks, maka dari AWK ini akan dilihat dari dimensi ketiga sahaja, iaitu dimensi amalan sosial, khususnya ideologi Haji Rasul yang dimanifestasikan menerusi penulisan *Pembuka Mata*. Setiap ayat mahupun perenggan yang memperlihatkan perkaitan dengan ideologi akan dipetik secara langsung serta dibincangkan hubung kaitnya. Oleh yang demikian, pendekatan filologi dan AWK dianggap dapat membongkar bukan sahaja teks yang tertulis, tetapi juga ideologi yang tersembunyi di sebalik teks.

Bahan Kajian


Berdasarkan tinjauan, terdapat dua versi naskhah kitab *Pembuka Mata* yang ditemukan, iaitu naskhah yang telah didigitalkan di British Library dalam Endangered Archives Programme dengan nombor panggilan EAP153/11/37, manakala yang kedua ialah naskhah fizikal simpanan Perpustakaan Negara Malaysia dengan nombor panggilan MSS 2685. Naskhah yang terdapat di British Library dilabelkan sebagai Naskhah A, manakala naskhah yang terdapat di Perpustakaan Negara pula adalah Naskhah B.



Rajah 1: Muka Hadapan Naskhah A

Naskhah A merupakan naskhah yang dicetak oleh Maṭba'ah Majthan di bawah Thamarah al-Ikhwān. Maṭba'ah Majthan merupakan satu penerbit terkenal di Minangkabau yang juga pernah menerbitkan salah satu novel Hamka, iaitu *Si Sabariah* dan hal ini disebutkan oleh Hamka (1963) sendiri. Naskhah ini ditulis dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi. Berdasarkan keaslian, Naskhah A adalah dianggap yang asli dan wajib dijadikan sebagai naskhah utama kajian berbanding Naskhah B kerana Naskhah B adalah naskhah salinan. Penyalin Naskhah B ialah Muhammad Ariffin, seorang imam dari Dabo, Indonesia. Maklumat ini dinyatakan secara jelas dalam Naskhah B.

Rajah 2: Muka Hadapan Naskhah B



Dari segi kandungan, Naskhah B tidak disalin dengan sempurna. Dalam aspek bahan, Naskhah B adalah berbentuk manuskrip, iaitu bertulis tangan, manakala Naskah A adalah naskhah nadir, iaitu naskhah bercetak, tetapi tidak diterbitkan dan sukar untuk ditemukan lagi. Menurut waris kepada Haji Rasul, iaitu Abdul Hadi Hamka yang dihubungi, naskhah kitab *Pembuka Mata* tidak terdapat di Kutub Khanah Haji Rasul di Maninjau. Kutub Khanah Haji Rasul di Maninjau merupakan perpustakaan yang menyimpan semua tulisan Haji Rasul seperti kitab, artikel dalam majalah, nota dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa masih terdapat tulisan Haji Rasul di luar sana yang tidak disimpan di Khutub

Khanah Haji Rasul dan kitab *Pembuka Mata* ini juga termasuk dalam kategori ini. Oleh itu, kajian yang menyeluruh terhadap Naskhah A sebagai naskhah arketip adalah sangat wajar dilaksanakan untuk mempersembahkan kearifan Haji Rasul dalam bidang fiqh.


Dapatan dan Perbincangan

Perbincangan tentang kitab *Pembuka Mata* ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu deskripsi naskhah dan analisis teks.

Deskripsi Naskhah

Rajah 3: Muka Hadapan kitab *Pembuka Mata*

Sumber: British Library



Rajah 3 memperlihatkan muka hadapan kitab *Pembuka Mata* yang telah didigitalkan oleh British Library. Kitab ini disimpan oleh seorang ulama Lingga, iaitu Tengku Muhammad Salleh. Ini dapat dipastikan dengan melihat di bahagian atas sebelah kiri, terdapat tulisan yang memaparkan nama Tengku Muhammad Salleh. Kitab ini diterbitkan pada 15 Jamadilawal 1342 bersamaan dengan 23 Disember 1923. Terdapat benang yang mengikat kerana kitab ini adalah bercetak. Pencetaknya ialah Matba'at Majsan dari Bukit Tinggi. Hamka (1963) pernah menyatakan kewujudan pencetak ini dalam bukunya *Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi*. Pencetak ini adalah di bawah satu penerbit popular

di Sumatera Utara, iaitu Thamarah al-Ikhwān. Dari segi kandungan, kitab *Pembuka Mata* ini mempunyai enam fasal dan setiap fasalnya mempunyai kandungan seperti berikut:

Jadual 1: Ringkasan Fasal

Fasal	Ringkasan
Fasal 1	Hukum menjatuhkan talak
Fasal 2	Hukum menjatuhkan talak
Fasal 3	Hukum menjatuhkan talak tiga sekali gus dan tiga kali
Fasal 4	Dalil daripada hadis yang mengkhususkan hukum talak tiga yang difirmankan dalam al-Quran
Fasal 5	Syarat-syarat akad nikah semula selepas bercerai talak tiga
Fasal 6	Hukum nikah Cina buta berdasarkan empat mazhab fiqh

Jadual 1 menunjukkan ringkasan fasal dan ringkasan kitab *Pembuka Mata*. Dari segi keadaan naskhah, naskhah ini dicetak dan tulisannya jelas. Jenis khat yang digunakan ialah jenis biasa. Tulang belakang buku diikat menggunakan benang, tetapi sudah sedikit terhakis. Setiap halaman ukurannya ialah 17.5cm panjang dan 11.2cm lebar. Hal ini bermaksud ukuran halaman bagi naskhah ini adalah di antara ukuran saiz kertas A5 dan A6, tetapi lebih cenderung kepada A6.

Mukadimah Naskhah

Struktur penulisan kitab *Pembuka Mata* adalah bersifat sistematik dan memudahkan pembaca untuk mengikuti idea-idea yang ditulis. Di awal kitab, iaitu dalam bahagian mukadimah, Haji Rasul telah memulakan pembicaraannya dengan empat rangkap syair, iaitu:

Baca tuan pembuka mata,
nikah muḥallil supaya nyata,
memupus talak bercina buta,
tiada dibenarkan agama kita.

Hukumnya haram atau berzina,
dikutuki Allah Tuhan maulānā,
agama Islam suci sempurna,
mengharamkan segala kerja yang hina.

Bercina buta jadi sebutan,
menghalalkan faraj itu buatan,
bagi si muḥallil si kambing jantan,
dikutuki oleh Rasul ikutan.

Kitab dan sunah dihelah-helah,
dinajiskan agama yang amat jilah,
sangka ajnabi Islam yang salah,
pada hal buatan si kutuk Allah.

(Abdul Karim Amrullah, 1923, p. 1)

Syair yang disampaikan ini dapat dikatakan sebagai ringkasan kepada isi *Pembuka Mata* secara keseluruhannya. Dalam syair ini terdapatnya ajakan kepada pembaca untuk membaca kitab *Pembuka Mata* ini supaya jelas dengan hukum nikah secara Cina buta itu sendiri, penegasan bahawa amalan tersebut adalah haram di sisi agama Islam kerana dilaknat oleh Allah dan Rasul dan sikap pengamal nikah Cina buta ini yang menjadikan hujah daripada al-Quran dan Sunnah sebagai helah untuk melepasi hukum haram merujuk kembali selepas jatuhnya talak tiga.

Dalam syair ini juga, dapatlah difahami bahawa Haji Rasul telah menegaskan yang hukum bernikah secara Cina buta adalah haram dan dilaknat oleh Allah dan Rasul menerusi ungkapannya “dikutuki oleh Rasul ikutan”, “dinajiskan agama yang amat jiluh” dan “pada hal buatan si kutuk Allah”. Maksudnya, sesiapa yang melaksanakan juga nikah seperti ini adalah dianggap berzina. Haji Rasul sendiri menyebutkan “hukumnya haram atau berzina”. Oleh itu, tidak keterlaluanlah untuk dikatakan bahawa syair yang dikarang dalam halaman pertama ini merupakan ringkasan kepada keseluruhan kitab *Pembuka Mata* itu sendiri.

Fasal yang Pertama

Fasal yang pertama ini menjelaskan berkenaan hukum menjatuhkan talak menurut firman Allah dalam al-Quran, iaitu daripada Surah al-Baqarah ayat yang ke-229:

“Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik dan tidaklah halal bagi kamu mengambil balik sesuatu dari apa yang telah kamu berikan kepada mereka (isteri-isteri yang diceraikan itu) kecuali jika keduanya (suami isteri takut tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah. Oleh itu kalau kamu khuatir bahawa kedua-duanya tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah, maka tidaklah mereka berdosa - mengenai bayaran (tebus talak) yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya (dan mengenai pengambilan suami akan bayaran itu). Itulah aturan-aturan hukum Allah maka janganlah kamu melanggarnya; dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim”.

(Abdul Karim Amrullah, 1923, p. 4)

Kata Haji Rasul, hukum menjatuhkan talak itu adalah diperbolehkan, dengan syarat talak tersebut digunakan sebagai jalan terakhir untuk menyelesaikan konflik rumah tangga. Haji Rasul mengatakan:

“Kalau ditakuti bahawa di dalam pergaulan itu bak rasa tidak akan mendirikan perintah-perintah Allāh atau tidak akan terjauh daripada larangan-larangan Allāh atau akan melampaui batas-batasnya Allāh! Mithālnya, suami tidak akan sangka membayar segala kewājiban isterinya atau isteri tidak akan menurut perintah suaminya dan lain-lain sebagainya[,] maka pada waktu itu baiklah bercerai-cerai daripada bergaul juga!”

(Abdul Karim Amrullah, 1923, p. 5)

Maksudnya, dengan ayat 229 Surah al-Baqarah itu sahaja jelaslah bahawa suatu pernikahan boleh dipisahkan dengan cara menjatuhkan talak, tetapi hal itu perlulah dilaksanakan dengan cara yang berhemah, iaitu sebagai jalan yang terakhir dan terbaik untuk menyelesaikan konflik rumah tangga.

Fasal yang Kedua

Fasal yang kedua membincangkan hukum menjatuhkan talak tiga dan ini difirmankan oleh Allah dalam Surah al-Baqarah ayat yang ke-230:

“Sesudah (diceraikan dua kali), itu jika diceraikan pula (bagi kali yang ketiga) maka perempuan itu tidak halal lagi baginya sesudah itu, sehingga ia berkahwin dengan suami yang lain. Setelah itu kalau ia diceraikan (oleh suami baharu itu dan habis idahnya), maka mereka berdua (suami lama dan bekas isterinya) tidaklah berdosa untuk kembali (mas kahwin semula), jika mereka kuat menyangka akan dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah dan itulah aturan-aturan hukum Allah, diterangkannya kepada kaum yang (mahu) mengetahui dan memahaminya”.

(Abdul Karim Amrullah, 1923, p. 7)

Ayat 230 ini menjelaskan bilangan talak yang boleh dirujuk semula dalam tempoh idah dan bilangan talak yang tidak boleh dirujuk semula melainkan dengan akad nikah yang baharu. Talak yang pertama dan kedua adalah talak yang membolehkan suatu pasangan itu merujuk semula dalam tempoh idah, manakala talak yang ketiga tidak boleh dirujuk semula, melainkan pasangan yang bercerai itu haruslah mengikut langkah-langkah yang dituliskan oleh Haji Rasul, iaitu:

“Di dalam ayat ini Allāh ta’ālā menerangkan kalau sekiranya terjadi juga ṭalāq itu lebih daripada dua kali yang mana terbitnya batas-batas Allāh yang disebutkan tadi sedang kebiasaan jadinya pekerjaan itu ialah daripada orang yang tiada panjang berfikir tentang melarat dan manfa’at dirinya dan anak isterinya di dalam penceraian yang diaturkan agama Allāh yang maha suci maka tiadalah ḥalāl baginya hendak kembali lagi kepada jandanya itu melainkan apabila perempuan itu sudah bersuami pula dengan laki-laki yang lain – sesudah itu apabila telah habis pula untungnya dengan laki yang kedua itu lalu diṭalāq pula akan dia maka waktu itu tiadalah berdosa – tiadalah mengapa bahawa antara perempuan dengan jandanya yang pertama tiada berkembalian...”.

(Abdul Karim Amrullah, 1923, p. 7-8)

Dalam petikan ini, Haji Rasul telah menerangkan cara untuk kembali kepada suami pertama selepas diceraikan dengan talak tiga. Secara permukaannya, beginilah bentuk nikah Cina buta yang versi halal, iaitu nikah yang tidak dirancang untuk mengakali hukum Tuhan. Hukum haram itu timbul apabila suatu pasangan tersebut cuba untuk mengakali hukum Tuhan dengan mengupah seorang “Cina buta” supaya mereka dapat bersama kembali. Tindakan mempermain-mainkan hukum Tuhan dalam konteks yang seperti ini bukan sahaja melanggar falsafah perkahwinan dalam Islam, malah ditentang oleh Allah dan Rasul.

Fasal yang Ketiga

Dalam fasal yang ketiga, Haji Rasul telah membincangkan hukum menjatuhkan talak tiga kali. Ulama bersepakat bahawa menjatuhkan talak tiga kali adalah terjatuhnya *talak ba’in kubra*, iaitu talak yang tidak boleh lagi dirujuk semula, melainkan bekas isterinya itu telah berkahwin dengan lelaki lain, bersetubuh secara sah, bercerai dan habis idah, maka barulah bekas isteri itu dapat kembali kepada suami pertama dengan akad nikah yang baharu.

Namun, ulama berselisih pandangan tentang talak yang dijatuhkan tiga sekali gus. Terdapat pandangan yang mengatakan tiada satu talak pun yang terjatuh kerana talak tiga sekali gus adalah bidaah. Selain itu, terdapat pandangan lain yang mengatakan talak itu hanya jatuh satu, bukan tiga. Majoriti ulama, termasuklah mazhab yang empat memutuskan bahawa talak yang dijatuhkan tiga

sekali gus adalah terjatuhnya talak tiga sesuai dengan lafaz. Sekiranya lafaz talak tiga yang disebutkan, maka talak tigalah yang akan dianggap jatuh. Sebagai kesimpulan kepada perselisihan pandangan yang dibentangkan ini, Haji Rasul menegaskan:

“Oleh karena itu tetaplah ṭalāq itu menurut yang dijatuhkan dan digugurkan oleh suami empunya ḥaq itu. Satu, dua atau tiga sekalipun berulang-ulang ataupun sekali dijatuhkan sama sajalah ḥukumnya – maktumlah! Orang bertasaruf pada haknya Wa’Llāhu a’lam—”.

(Abdul Karim Amrullah, 1923, p. 14)

Fasal yang Keempat

Haji Rasul telah membawa beberapa hadis, iaitu antaranya kisah Rifaah dan jandanya (p. 17). Bekas isteri Rifaah telah diceraikan sebanyak tiga kali (talak tiga) lalu dia berkahwin dengan lelaki lain, tetapi didapati lelaki tersebut tidak kuat untuk bersetubuh. Maka, janda tersebut ingin bercerai dan kembali kepada Rifaah. Hal ini dilarang oleh Rasulullah dan Abu Bakar. Namun, pada zaman Umar, janda ini dilepaskan oleh suaminya dan kembali kepada suaminya yang pertama.

Haji Rasul menegaskan bahawa untuk menghalalkan pernikahan janda itu dengan suami pertama atas penceraian talak tiga, janda tersebut haruslah bersetubuh secara sah dengan suami baharu terlebih dahulu dan perkara ini disebut oleh Rasulullah dalam hadis Rifaah ini. Selepas bersetubuh, baru janda tersebut boleh bercerai dan kembali kepada suami pertama dengan akad nikah yang baharu. Hadis ini telah mengkhususkan ayat al-Quran tentang talak tiga, iaitu ayat 230 Surah al-Baqarah yang dipetik dalam fasal yang kedua. Dalam al-Quran, talak tiga ini tidak disebutkan yang perlunya bersetubuh terlebih dahulu, sebaliknya hanya menyatakan kemestian berkahwin dengan lelaki lain sahaja. Maka, hadis ini berperanan untuk memperincikan syarat bagi seseorang janda itu boleh dikembalikan kepada suami pertamanya setelah bersama dengan lelaki lain. Situasi ini bermaksud selagi si isteri itu tidak bersetubuh secara sah dengan suami pertama, selagi itulah dia tidak dibolehkan untuk kembali kepada suami pertama.

Fasal yang Kelima

Fasal yang kelima dimulakan dengan teguran Haji Rasul terhadap mereka yang hanya memahami ayat-230 Surah al-Baqarah dengan keumumannya, walhal terdapat hadis yang telah mengkhususkan maksud ayat tersebut (Rujuk halaman 26). Secara umumnya, dalam ayat yang ke-230 Surah al-Baqarah itu menyatakan bahawa pasangan yang telah bercerai dengan talak tiga, si isteri hendaklah berkahwin dengan suami lain terlebih dahulu sebelum boleh dikembalikan kepada suami pertama dengan akad nikah yang baharu. Namun demikian, dalam beberapa hadis Rasulullah yang dipetik dalam fasal 4 sebelum ini, baginda telah mengkhususkan maksud ayat tersebut dengan meletakkan persetubuhan secara sah sebagai syarat kepada pernikahan si isteri yang ingin dikembalikan kepada suami pertama.

Dalam satu hadis Rasulullah yang diriwayatkan daripada Imam Ahmad, daripada Ibnu Mas’ud mengatakan bahawa Rasulullah melaknat pelaku nikah Cina buta dan individu yang bersetuju untuk menjadi perantara nikah tersebut, iaitu “si kambing jantan” (suami baharu). Selain daripada hadis ini, terdapat riwayat-riwayat yang lain juga merujuk kepada makna yang sama. Jelaslah bahawa amalan nikah secara Cina buta ini adalah dilaknat oleh Rasulullah sekali gus menunjukkan bahawa amalan tersebut adalah dilarang dalam agama.

Amalan ini diharamkan kerana sesuatu perkahwinan itu adalah suci berdasarkan kasih sayang di antara kedua pasangan, namun perkahwinan itu tidak boleh dijadikan sebagai helah semata-mata untuk membolehkan seorang janda itu kembali kepada suami pertama. Helah yang dinyatakan ini

dilakukan dengan pelbagai cara, antaranya si suami pertama mengupah seorang lelaki untuk berkahwin dengan jandanya untuk melepaskan syarat seperti yang disebutkan sebelum ini. Perlakuan ini sahaja secara jelasnya melanggar falsafah perkahwinan dalam Islam dan amalan ini tidak boleh dilakukan sama sekali.

Allah berfirman dalam Surah al-Rum ayat 21, iaitu:

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya diantaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir”.

(Surah al-Rum, ayat 21)

Abul A'la Maududi (1972) mentafsirkan ayat ini dengan menyatakan bahawa Allah menciptakan lelaki dan wanita itu sebagai dua jenis jantina yang saling melengkapi. Pada lelaki, wujudnya perasaan serta nafsu terhadap wanita dan begitu juga sebaliknya. Perasaan dan nafsu ini boleh disalurkan dengan cara yang halal, maka wujudlah satu ikatan kasih sayang yang dinamakan sebagai pernikahan. Pernikahan adalah bertujuan untuk berkasih sayang dan meluahkan rasa cinta, bukannya sebagai helah seperti yang dilakukan dalam pernikahan Cina buta. Maka, berdasarkan ayat ini sahaja dapat difahami bahawa bernikah secara Cina buta adalah bertentangan dengan tujuan perkahwinan yang digariskan oleh Allah dalam al-Quran. Dengan itu, amalan nikah tersebut wajiblah ditolak.

Fasal yang Keenam

Haji Rasul telah membentangkan kesemua pandangan daripada mazhab-mazhab fiqah tentang amalan nikah secara Cina buta ini supaya para pembaca jelas dengan kecenderungan pandangan mazhab-mazhab berkenaan (Rujuk halaman 30). Hal ini bertujuan agar pembaca menilai pandangan majoriti dan mengambil pandangan dominan dipegang oleh ulama-ulama. Maka, tiada sebab tertentu untuk para pembaca memegang pandangan minoriti kerana faktor pandangan itu disukai dan disenangi).

Pertama, berdasarkan pandangan daripada mazhab Hanafi, apabila perjanjian nikah Cina buta itu tidak dinyatakan dalam akad nikah, tetapi hanya berlaku secara senyap-senyap dan hanya diketahui oleh pengantin dan si *muḥallil*, maka makruhlah akad hukumnya nikah tersebut. Akan tetapi, sekiranya perjanjian nikah Cina buta itu dinyatakan, maka akad nikah itu adalah rosak (terbatal) dan haram hukumnya.

Kedua, dalam mazhab Maliki dan Hanbali, hukum nikah secara Cina buta ini adalah haram dan rosak, meskipun perjanjian untuk menceraikan janda suami pertama itu tidak dinyatakan dalam akad nikah. Pengharaman ini disabitkan atas rasional yang amalan nikah secara Cina buta adalah secara jelasnya melanggar falsafah perkahwinan dalam Islam, iaitu saling berkasih sayang dan sebagainya. Ketiga, dalam mazhab Syafie, terdapat tiga keadaan, iaitu:

- i. Apabila perjanjian antara si suami dan *muḥallil* itu dinyatakan dalam akad nikah, maka terbatalah akad nikah tersebut dan berdosa para pelakunya,;
- ii. Apabila perjanjian itu tidak dinyatakan, maka akad nikah itu sah, tetapi amat dibenci oleh Imam Syafie sendiri; dan
- iii. Berlaku secara spontan, iaitu tanpa niat dari awal untuk bercina buta, maka ini sah akad nikahnya dan diperbolehkan.

Akhirnya, Haji Rasul menyimpulkan pandangan-pandangan ini dengan komennya sendiri, iaitu perbezaan pandangan dalam kalangan mazhab-mazhab yang dibincangkan ini adalah tipis dan kesemuanya boleh dikatakan bersetuju bahawa amalan ini adalah tidak patut dilakukan sama sekali.

Khatimah

Haji Rasul menegaskan betapa amalan nikah secara Cina buta ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam secara umum. Mereka yang memilih jalan ini untuk kembali kepada pasangan yang asal perlulah mendalami semula tentang sunnah perkahwinan dalam Islam kerana permasalahan yang sebenar bukanlah hukum fiqh dalam nikah Cina buta itu, tetapi wujudnya para suami yang kerap menjatuhkan talak sehingga menjadi gila talak. Sikap inilah yang perlu diubah, bukannya hukum fiqh itu.

Keistimewaan Kitab *Pembuka Mata*

Salah satu keistimewaan kitab *Pembuka Mata* adalah pada perbincangan fiqhnya yang merangkumi keempat-empat mazhab. Seperti yang diketahui, rantau Alam Melayu telah berpegang kepada mazhab Syafi'i sejak zaman awal kedatangan Islam lagi. Guru kepada Haji Rasul, iaitu Ahmad Khatib al-Minangkabawi merupakan salah seorang tokoh reformis Islam di Minangkabau yang berpegang teguh pada mazhab Syafie (Murni Djamal, 1998). Namun, keteguhan atau yang dipanggil sebagai bertaklid kepada satu mazhab semata-mata adalah satu pegangan yang tidak dipersetujui oleh Haji Rasul.

Menurut Hamka (1952), Haji Rasul mendapat pengaruh daripada Muhammad Abduh sewaktu pengajiannya di Mekah. Pulang sahaja ke Minangkabau, beliau telah berusaha sehabis baik untuk mengembalikan masyarakat kepada ajaran Islam yang sebenar. Antara amalan yang ditolak olehnya ialah lafaz niat solat dengan suara keras, berdiri ketika upacara marhaban dalam sambutan Maulidur Rasul dan menutup pintu ijtihad. Menurut Haji Rasul, pintu ijtihad perlulah dibuka agar ulama Islam di Alam Melayu ini menjadi proaktif dan mampu menghasilkan pemikirannya sendiri yang bersesuaian dengan cabaran fiqh di tempatnya.

Dengan itu, selepas membaca dan menelaah kitab *Pembuka Mata*, dapatlah dikatakan bahawa kitab ini merupakan manifestasi kepada pegangannya itu. Untuk merealisasikan pandangan yang mengatakan umat Islam tidak seharusnya bertaklid atau menganut pada satu mazhab semata-mata, maka Haji Rasul telah membawa pandangan daripada kesemua mazhab dalam membincangkan satu isu fiqh, iaitu dalam konteks ini ialah nikah Cina buta.

Haji Rasul mempertimbangkan kesemua pandangan dan dalil daripada setiap mazhab supaya dapat dilahirkan satu sintesis yang lebih menyeluruh dan adil. Sekiranya umat Islam hanya berpandukan pada satu pandangan mazhab sahaja, maka mereka akan tertinggal daripada pandangan-pandangan lain yang berguna untuk kemaslahatan mereka. Contohnya, dalam isu nikah Cina buta ini, sekiranya umat Islam hanya terdedah kepada pandangan yang mengatakan amalan ini adalah makruh, maka mereka akan ketinggalan bahawa terdapatnya pandangan-pandangan majoriti lain yang mengharamkan amalan tersebut dan pengharaman itu didapati lebih sesuai dengan kemaslahatan mereka. Seandainya amalan nikah Cina buta ini dianggap makruh, maka umat Islam di Alam Melayu ini tidak akan berasa takut dan ragu-ragu untuk mengamalkannya, meskipun secara jelas amalan ini adalah bertentangan dengan sunah Rasul. Oleh itu, dapatlah difahami bahawa hikmah kepada pendirian untuk tidak bertaklid pada satu mazhab semata-mata ini membuahkan pertimbangan terhadap dalil-dalil yang lebih kuat dan sesuai untuk kemaslahatan umat Islam di Alam Melayu.

Ideologi Haji Rasul menerusi Wacana Cina Buta dalam *Pembuka Mata*

Berdasarkan Peacock (1978) dan Azra (2004), terdapat beberapa ciri ideologi Kaum Muda yang boleh dikaitkan dengan gaya penulisan *Pembuka Mata*, antaranya:

i. Kembali kepada al-Quran dan Sunnah serta berijtihad

Penghujahan Haji Rasul dalam *Pembuka Mata* dapat dikatakan sebagai ijtihad Haji Rasul yang tersendiri dengan gaya penghujahan induktif. Dalam fasal yang pertama (Rujuk halaman 4), Haji Rasul memulakan penjelasannya dengan ayat al-Quran, bukan dengan pandangan ulama. Kemudian, dalam fasal yang ketiga (Rujuk halaman 10), selepas membentangkan ayat-ayat al-Quran dan hadis sebagai asas, barulah Haji Rasul menyertakan pandangan-pandangan yang khilaf daripada ulama-ulama terdahulu. Walau bagaimanapun, beliau tidak tertumpu pada satu mazhab sahaja seperti mazhab Syafie yang menjadi pegangan utama Asia Tenggara. Akhirnya, Haji Rasul juga memberikan pandangannya sendiri dalam menolak beberapa dalil yang dibentangkan sebelumnya serta memperlihatkan unsur ijtihad dalam *Pembuka Mata*. Sebagai contoh, dalam menolak dalil yang lemah, Haji Rasul menulis seperti berikut:

“Adapun ḥadīth yang diriwayatkan Bukhārī dan Muslim Daripada Ibnu Abbās tadi menurut keterangan Bidāyat Mujtahid hanyasanya yang meriwayatkan akan dia daripada Ibnu Abbās ialah seorang ṣaḥābatnya yang bernama (Ṭāwūs)! Sedang ṣaḥābat-ṣaḥābatnya yang banyak iaitu Saʿīd bin Jābir Mujāhid – Aṭā’ – ‘Amr bin Dīnār – dan jemaah yang lain-lain semuanya meriwayatkan daripada Ibnu ‘Abbās bahawasanya ṭalāq tiga yang dijatuhkan sekali lalu itu jatuh tiga juga! Jadi nyatakan riwayat Ṭāwūs itu (shādhah) larang[,] maka tiadalah kebilangan ia ketiga berlawanan dengan riwayat yang banyak WaʿLlāhu aʿlam”.

(Abdul Karim Amrullah, 1923, p. 14-15)

Dalam petikan ini, Haji Rasul didapati memilih hadis yang lebih kuat berdasarkan riwayat yang lebih banyak dan berwibawa. Secara asasnya, cara Haji Rasul berhujah dalam keseluruhan kitab *Pembuka Mata* memperlihatkan ideologi Kaum Muda yang sangat jelas, meskipun tidak dinyatakan secara langsung berkenaan ideologi tersebut. Hal ini membuktikan bahawa amalan wacana adalah berkait rapat dengan ideologi.

ii. Mengangkat peranan akal

Sepertimana tokoh-tokoh Kaum Muda yang lain, Haji Rasul juga sangat menekankan peranan akal dalam beragama, terutamanya semasa menolak sikap bertaklid buta. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam bab “Nasihat Muhimmah” (Rujuk halaman 54). Haji Rasul menulis:

“Demi sesungguhnya kita sekalian diwājibkan oleh Allāh dan Rasūl mengetahui agama dan selok beloknya! Dengan beberapa ayat dan ḥadīth-ḥadīth yang tiada terhingga-hingga banyaknya! Sekarang bagaimana? Adakah mengaya-ngayakan kata orang saja dengan tiada mengetahui alasannya – keterangannya – asal-asalnya – sebab-sebabnya – sharaṭ-sharaṭnya – telah dinamakan mengetahui? Belum! Tidak! Amat jauh!”

(Abdul Karim Amrullah, 1923, p. 54)

Dalam petikan ini, Haji Rasul menekankan soal pengetahuan dalil dan pendalilan, bukan sekadar mengetahui hukum semata-mata, malah bagaimana hukum itu diperoleh. Oleh itu, Haji Rasul

membentangkan kesemua pandangan mazhab supaya boleh dipertimbangkan dalil yang lebih kuat berdasarkan pendalilan masing-masing.

“Karena Qur’ān mulakat hari qiyāmat tidak akan hilang-hilang dan ḥadīth-ḥadīth Nabī memenuhi sekalian alam Islāmi – jangan malas – jangan lali – jangan bosan – jangan berpengetahuan turut-turutan saja. Jangan taqlīd buta – tuntutan ‘ilmu sampai mati! Hadāna’ Llāh wa iyyākum āmiin!”

(Abdul Karim Amrullah, 1923, p. 57)

Dalam petikan ini Haji Rasul secara langsung menggunakan ungkapan “jangan berpengetahuan turut-turutan saja” dan “jangan taklid buta”. Hal ini menunjukkan ideologi Kaum Muda yang jelas.

iii. Mengkritik pendekatan tradisional yang kaku

Masih lagi berkait rapat dengan “jangan bertaklid buta”, Haji Rasul mengkritik pandangan tradisional yang masih berpegang kepada satu-satu ulama, meskipun telah diketahui dalilnya lemah. Hal ini berlaku kerana pendekatan tradisional lebih mengutamakan imam tertentu berbanding dalil yang lebih kuat. Haji Rasul mengkritik sifat ini seperti berikut:

“Bacalah perkataan al-‘Izz al-Dīn bin ‘Abd al-Salām pada kitāb Qawā’id – ‘ajīb sehingga ‘ajīb kepada ‘ulamā’-‘ulamā’ yang telah mengetahui akan ḍa’if pengambilan – dalīl-dalīl Imāmnya – sehingga tiada pula dapat olehnya memungkiri keḍa’ifan itu – akan tetapi karena telah baku dan keras taqlīdnya itu tiada dipandangnya lagi akan kitāb dan sunnah dan tidak pula dijalaninya lagi akan qiyās-qiyās yang betul – ṣaḥīḥ – hanya dihelah-helahnya akan zahir kitāb dan sunnah itu dan dita’wīl-ta’wīlnya kepada ta’wīl yang amat jauh daripada kebenaran – dan sesungguhnya telah kami lihat akan mereka itu berhimpun-himpun di dalam beberapa majlis dan tempat memperkatakan agama apabila ada seseorang yang mengetengahkan dalīl-dalīl shara’ yang menyalahi akan kata Imāmnya yang telah jadi darah daging olehnya taqlīd buta dan ta’ṣub itu maka tercengang-cenganglah tidak didengarnya akan dalīl-dalīl yang didatangkan orang itu pada hāl jika ia memperkenakan hati inṣāf – hati mu’min tentu saja tercengangnya kepada madzhab imāmnya yang menyalahi dalīl itu lebih terutama!”

(Abdul Karim Amrullah, 1923, p. 57-58)

Dalam konteks ini, Haji Rasul tidaklah boleh dikatakan sebagai tidak bermazhab, tetapi beliau amat kritis terhadap dalil dan pendalilan setiap hukum yang ingin difatwakan. Malah, beliau amat memandang tinggi terhadap unsur kemaslahatan dalam amalan nikah Cina buta. Menurut beliau, secara falsafahnya sahaja, amalan ini bertentangan dengan semangat yang ingin dibawa oleh Islam, iaitu saling mencintai dan beranak-pinak. Haji Rasul mengatakan:

“Memaling-malingkan maqṣūd nikāḥ yang sejati kepada yang lain maqṣūdnya ialah menyalahi sunnah yang thābit. Karena maqṣūd nikāḥ yang diterangkan oleh Rasūlu’Llah pada beberapa hadisnya yang ṣaḥīḥ ialah supaya berkekalan beranak-anak. Kiranya dijadikan anak peḥalālikan bagi janda lama pada hāl dengan tidak ada ajaran daripada Rasūlu’Llah SAW kepadanya. Maka patutlah ia dikutuk Allāh dikutuk Rasūlu’Llah”.

(Abdul Karim Amrullah, 1923, p. 48)

Sebagai tambahan, amalan nikah Cina buta ini juga mempunyai kesan sosial yang berat dan ini dibuktikan dalam kajian Agustin Hanapi dan Fakhrrurrazi M. Yunus (2017). Dua pengkaji ini telah menemu bual beberapa wanita di Aceh tentang kesan nikah Cina buta kepada diri mereka.

Pertama, Ita (bukan nama sebenar) telah diceraikan dengan talak tiga oleh suaminya selepas beberapa bulan pernikahan. Suaminya tampak begitu marah ketika terjadinya konflik rumah tangga. Disebabkan tidak dapat menahan marahnya itu, dia telah menjatuhkan talak tiga terhadap Ita. Kesan daripada talak tiga tersebut, suami Ita telah menyesal dan mahu Ita dikembalikan menjadi isterinya. Namun, menurut Ita, perbuatan itu adalah haram di sisi agama dan perlulah dilakukan nikah secara Cina buta dahulu untuk membolehkan mereka kembali menjadi suami isteri.

Kedua, ini juga terjadi kepada seorang lagi wanita yang ditemu bual, iaitu Sari (bukan nama sebenar). Berbeza dengan Ita, Sari telah berkahwin selama dua belas tahun dan dikurniakan seorang anak. Disebabkan cemburu membaca mesej perbualan suaminya di telefon bimbit dengan orang lain, Sari telah membawa keluar kad SIM dari telefon bimbit tersebut lalu dipotong-potong dan dibuang. Hal ini telah membuatkan suaminya begitu marah dan suaminya tanpa berfikir panjang telah melafazkan kalimat cerai secara talak tiga. Setelah beberapa hari perceraian, mereka telah menyesal dengan perbuatan itu dan bersetuju untuk kembali kerana memikirkan anak mereka yang masih kecil. Maka, mereka melakukan nikah secara Cina buta.

Berdasarkan dua kisah ini, dapatlah disimpulkan bahawa antara kesan negatif yang dihadapi oleh Ita dan Sari adalah sedih, malu dan trauma. Hal ini diakui oleh mereka sendiri dalam temu bual yang dijalankan. Mereka berasa sedih kerana disebabkan konflik rumah tangga, suami mereka dengan mudahnya menjatuhkan talak tiga sekali gus. Hal ini menunjukkan bahawa suami mereka tidak berfikir panjang sebelum berbuat sesuatu. Sebagai orang Islam, suami adalah pelindung kepada isteri, maka dia harus sentiasa bersabar dan berfikir panjang sebelum membuat keputusan. Suami perlu mempunyai sifat kepimpinan yang tinggi. Selain itu, mereka juga berasa sedih dan malu kerana menganggap diri mereka itu adalah sekadar komoditi yang boleh ditukar milik. Situasi ini juga tidak berbeza dengan amalan nikah kontrak yang diamalkan oleh sebahagian daripada mazhab Syiah dan lebih buruk lagi, ini tidak keterlaluan dikatakan sama sahaja seperti pelacuran. Setelah mereka melalui fasa nikah secara Cina buta itu, mereka mengalami trauma kerana malu terhadap saudara-mara.

Dalam konteks ini, dapatlah dikatakan bahawa amalan nikah secara Cina buta, sekiranya tidak melibatkan hukum Islam juga merupakan sesuatu yang jijik dan kotor di sisi logik akal manusia. Hal ini juga ditegaskan oleh Haji Rasul dalam *Pembuka Mata*. Haji Rasul menyebutkan dalam syair di awal kitab: "Agama Islām suci sempurna, mengharāmkkan segala kerja yang hina (Abdul Karim Amrullah, 1923, p. 1).

Kesimpulan

Makalah ini mengkaji ideologi Abdul Karim Amrullah atau Haji Rasul menerusi wacana nikah Cina buta dalam tulisannya, *Pembuka Mata*. Kajian-kajian terdahulu memperlihatkan perbincangan ideologi Haji Rasul berdasarkan sumber-sumber kedua, tambahan pula kitab-kitab tulisan Haji Rasul sendiri belum lagi diberikan perhatian yang serius. Bagi menolak tanggapan aliran positivisme yang mempengaruhi disiplin filologi, makalah ini membuktikan meskipun *Pembuka Mata* merupakan satu karya ilmiah, tetapi karya ini tidak boleh terlepas daripada ideologi Haji Rasul sebagai seorang Kaum Muda. Metode filologi dan Analisis Wacana Kritis diaplikasikan bagi membincangkan kandungan teks secara tersurat dan menganalisis ideologi Haji Rasul daripada teks secara tersirat. Akhirnya, makalah ini menunjukkan amalan wacana Haji Rasul sendiri melalui *Pembuka Mata* memperlihatkan ideologi Kaum Muda dengan sangat jelas, iaitu mengangkat ijtihad, mementingkan rasionalisme dan menolak tafsiran aliran tradisional yang kaku.

Rujukan

- Abul A'la Maududi. (1972). *Tafhim al-Quran*. Idara Tarjuman ul Qur'an.
- Adorno, T. W., & Horkheimer, M. (1947). *Dialectic of enlightenment*. Herder and Herder.
- Ahmad Fauzi Ilyas. (2022). *Warisan keilmuan ulama Alam Melayu: Tokoh, karya, dan pemikiran*. Kafilah Buku.
- Al-Zuhayli, W. (2006). *Al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu (Jilid 9)*. Dar al-Fikr.
- Azra, A. (2004). *The origins of Islamic reformism in Southeast Asia: Networks of Malay-Indonesian and Middle Eastern 'ulama' in the seventeenth and eighteenth centuries*. University of Hawai'i Press.
- Fairclough, N. (1989). *Language and Power*. Longman.
- Fairclough, N. (1992). *Discourse and social change*. Polity Press.
- Fairclough, N. (1995). *Critical discourse analysis: The critical study of language*. Longman.
- Fitri Yenni M. Dalil, Inong Satriadi, & Hafizzullah. (2022). Studi komparatif Kitab Hadis karya Abdul Karim Amrullah (Haji Rasul) dan Syekh Muhammad Yunus (Tuanku Sasak). *Istinarah: Riset Keagamaan, Sosial dan Budaya*, 4(2), 143-152. <http://dx.doi.org/10.31958/istinarah.v4i2.8798>
- Hamka. (1963). *Adat Minangkabau menghadapi revolusi*. Pustaka Panjimas.
- Hamka. (1952). *Ayahku: Riwayat hidup Dr. H. Abd. Karim Amrullah dan perjuangan kaum agama di Sumatera*. Djajamurni.
- Murni Djamal. (1998). The origin of the Islamic reform movement in Minangkabau: Life and thought of Abdul Karim Amrullah. *Studia Islamika: Indonesian Journal for Islamic Studies*, 5(3), 1-45. <https://doi.org/10.15408/sdi.v5i3.744>
- Muslim & Ihsan. (2018). The role of Sheikh Dr. H. Abdul Karim Amrullah in developing Muhammadiyah in Maninjau West Sumatera. *IJECE: International Journal of Education & Curriculum Application*, 1(3), 5-14. <https://doi.org/10.31764/ijeca.v1i3.2120>
- Nelmawarni, Martin Kustati, Ulfatmi, Warnis, Hallen, Ikhwan, & Perrodin, D. D. (2021). Bakabuang phenomenon in Minangkabau society: A covert human trafficking action. *Indonesian Journal of Social Sciences*, 13(2), 87–98. <https://doi.org/10.14710/ijss.2021.15660>
- Novita Siswayanti. (2016). Haji Abdul Karim Amrullah ulama pembaharu Islam di Minangkabau. *Dialog: Jurnal Penelitian dan Kajian Keagamaan*, 39(1), 33-42. <https://doi.org/10.47655/dialog.v39i1.12>
- Oman Fathurahman. (2015). *Filologi Indonesia: Teori dan Metode*. KENCANA.
- Peacock, J. L. (1978). *Purifying the faith: The Muhammadiyah movement in Indonesian Islam*. The Benjamin/Cummings Publishing Company.

Said, E. W. (1978). *Orientalism*. Pantheon Books.

Uswatun Hasanah, Vina Nur Afianah, & Mohamad Salik. (2021). Kh. Abdul Karim Amrullah dan gagasannya dalam pengembangan pendidikan Islam di Sumatera Barat. *Edureligia*, 5(2), 13-32. <https://doi.org/10.33650/edureligia.v5i2.1940>